

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR  
[CAMERON HIGHLANDS]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah perancangan daripada pihak Kementerian untuk menaik taraf jalan raya di kawasan pedalaman Orang Asli dari Pos Baung, Sungai Siput sehingga ke jajaran Pos RPS Kemar, Perak.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Dalam tempoh 5 tahun RMKe-12, JAKOA telah mengemukakan permohonan projek pembinaan jalan di perkampungan Orang Asli kepada EPU sepanjang 150km. Dari jumlah tersebut, sepanjang 77km jalan baru akan dibina di negeri Perak.

JAKOA telah mengenalpasti keperluan pembinaan jalan baru sepanjang 60km di Parlimen Sungai Siput melibatkan 27 kampung Orang Asli (KOA). Projek pembinaan jalan tersebut dijangka bermula di Kampung Bawong ke Pos Poi (7 KOA), Pos Piah (4 KOA), KOA Gentes dan berakhir di RPS Kemar yang menjadi pusat pentadbiran kepada 15 KOA.

Sekian, terima kasih.